

NOTIS TENDER

CADANGAN KERJA UBAHSUAI PEJABAT AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD (ASNB) CAWANGAN KUANTAN DI NO. 71 & 73, TINGKAT BAWAH, JALAN TUN ISMAIL, 25000 KUANTAN, PAHANG.

1. PNB mempelawa syarikat yang berdaftar, berpengalaman dan berkelayakan untuk menyertai tender bagi kerja yang dinyatakan dan memenuhi kriteria-kriteria berikut:

KRITERIA WAJIB

i. **Pendaftaran Kontraktor**

Syarikat **WAJIB** mempunyai pendaftaran yang sah dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan untuk Gred G4 dan ke atas dan kategori ME.

ii. **Pengalaman**

Syarikat **MESTI** berpengalaman dalam melengkapkan sekurang-kurangnya tiga (3) projek dalam kerja ubahsuai pejabat institusi kewangan atau yang seumpamanya.

iii. **Keupayaan Teknikal**

Kakitangan yang kompeten dengan sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman bagi pengurusan projek dan pengurusan tapak dalam kategori kerja yang sama.

2. Skop kerja yang berkaitan dengan projek ini adalah seperti berikut:

SKOP KERJA

- i. Menaiktaraf pejabat cawangan ASNB Kuantan sedia ada mengikut konsep baharu (infused digital).
- ii. Membuat kerja ubahsuai di dalam pejabat yang sedang beroperasi mengikut reka bentuk konsep baharu dalam dua fasa.
- iii. Memohon kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan termasuk servis utiliti dan lain-lain badan berkaitan.
- iv. Berkomunikasi dan bekerjasama dengan vendor lain atas reka bentuk konsep baharu (jika ada).

3. **PENDAFTARAN HASRAT**

Petender yang ingin menyertai tender **WAJIB** menyatakan hasrat melalui emel ke procurement@pnb.com.my dan mohdzainuri@pnb.com.my dengan menyatakan juga nombor ID Ariba Network (ANID) PNB bermula pada **7 Mei 2026 sehingga 15 Mei 2026, pada atau sebelum jam 5.00 petang**. Manakala mana-mana syarikat yang belum berdaftar dalam sistem SAP Ariba PNB perlu berbuat demikian. Semua pendaftaran syarikat dalam SAP Ariba PNB boleh dibuat di laman mikro Perolehan PNB di <https://www.pnb.com.my/ms/e-perolehan-ms> atau www.pnb.com.my.

4. **TAKLIMAT TENDER DAN LAWATAN TAPAK**

Hanya syarikat yang berjaya menghantar emel dan mendaftarkan syarikat mereka dalam sistem SAP Ariba PNB mengikut syarat ditetapkan layak dijemput untuk taklimat tender dan lawatan tapak. **KEHADIRAN DALAM TAKLIMAT TENDER DAN LAWATAN TAPAK adalah MANDATORI**. PNB berhak menolak penyertaan tender sekiranya gagal hadir ke taklimat tender dan lawatan tapak.

5. **PENYERAHAN TENDER MELALUI SISTEM SAP ARIBA PNB**

Semua maklumat dan proses tender (jemputan tender, pengambilan dan penyerahan dokumen tender) adalah menggunakan sistem SAP Ariba PNB. Hanya syarikat yang berdaftar dengan sistem ini serta menghadiri taklimat dan lawatan tapak mengikut syarat ditetapkan adalah layak untuk menyertai tender.

6. PNB berhak untuk menerima atau menolak sebarang permohonan dan membatalkan proses tender ini serta menolak semua permohonan tanpa sebarang liabiliti atau tanggungjawab untuk memaklumkan tindakan yang sedemikian kepada syarikat yang terlibat. Hanya syarikat yang berjaya sahaja akan dimaklumkan.

7. PNB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan yang ditanggung oleh para petender ketika menyediakan dan menyempurnakan dokumen tender ini. Syarikat Bumiputera digalakkan memohon..